

# REMAJA

**"P**AGI minggu yang indah dan ceria. Semuanya telah berkumpul di taman perumahan di pinggir bandar. Semuanya bersedia untuk menjalankan aktiviti gotong-royong yang telah dirancang oleh Jawatankuasa Pembangunan taman perumahan tersebut. Ahli masyarakat yang terdiri daripada pelbagai usia berkumpul dengan penuh bersemangat sambil

membawa pelbagai peralatan kerja untuk bersama-sama membersihkan kawasan taman perumahan mereka. Yang muda memegang cangkul, yang dewasa merancang aktiviti, yang gadis membancuh kopi, yang wanita mengepung anak kecil yang berlarian. Semuanya nampak indah dan "Sempurna."

Gambaran di atas ialah pengalaman terindah bagi ahli komuniti yang bekerjasama melakukan pelbagai

aktiviti setempat. Masing-masing mempunyai peranan tersendiri. Ahli komuniti daripada semua peringkat usia memainkan peranan masing-masing berdasarkan keupayaan mereka. Namun begitu, gambaran sebegini semakin dipinggirkan oleh ahli komuniti dengan pelbagai alasan. Aktiviti yang melibatkan pelbagai peringkat usia sebegini semakin sukar untuk dilaksanakan oleh anggota kawasan petempatan, terutamanya di



bandar besar. Di manakah silapnya?

Jika ditanya kepada anggota masyarakat di kawasan petempatan masing-masing, akan timbul pelbagai alasan. Antara alasan popular yang diberikan termasuklah sibuk. Semua ahli komuniti sibuk dengan aktiviti mereka sendiri sehingga tidak berpeluang untuk bersama-sama jiran tetangga mereka. Kesibukan ini bukan sahaja melibatkan golongan dewasa yang bekerja, tetapi turut sama merebak

kepada golongan muda yang tidak bekerja dan remaja yang masih bersekolah. Kesibukan mereka initalah mewujudkan komuniti masyarakat yang tidak mesra antara satu sama lain. Hal ini amat membimbangkan jika tidak diberi perhatian yang baik oleh anggota masyarakat, terutamanya para remaja. Remaja perlu memainkan peranan menjadikan kawasan tempat tinggal mereka sebagai komuniti yang meriah dan seronok didiami. Mengapa remaja?

Statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2010 mencatat bahawa bilangan rakyat Malaysia yang paling banyak, iaitu mencecah lebih daripada lima juta orang (5 470 242 orang) daripada keseluruhan rakyat Malaysia (27 565 821 orang), ialah mereka yang berumur antara 10 tahun hingga 19 tahun. Bilangan ini melebihi semua kumpulan umur yang lain, termasuk golongan dewasa. Hal ini bermakna

rakyat Malaysia yang paling banyak ialah golongan remaja yang berperanan untuk membentuk komuniti dan pembangunan negara pada masa akan datang. Oleh itu, peranan membangunkan masyarakat yang berasaskan komuniti yang sejahtera perlu dipupuk daripada peringkat usia remaja.

Sebagai kumpulan usia yang paling banyak dalam komposisi penduduk negara, golongan remaja seharusnya menjadi tulang belakang pembentukan masyarakat yang berdaya saing dalam proses pembangunan negara. Kumpulan remaja perlu menjadi orang penting dalam merealisasikan matlamat dan dasar utama negara yang berhasrat menjadi negara yang bukan sahaja maju dari segi pembangunan teknologi, malah maju dari aspek sahsiah dan pembangunan diri menjelang tahun 2020. Proses ini bermula dari rumah, komuniti, masyarakat dan negara. Semua dasar dan perancangan yang diatur oleh pemerintah pastinya akan gagal jika pihak yang disasarkan, terutamanya remaja, tidak mengambil manfaat daripadanya.

Satu daripada cara untuk merealisasikan matlamat negara itu ialah dengan melibatkan kumpulan remaja dalam aktiviti pada

peringkat komuniti, iaitu remaja yang mesra komuniti. Remaja mesra komuniti ialah situasi yang menjalin hubungan kumpulan remaja di satu-satu kawasan petempatan bekerjasama dengan anggota masyarakat menjalankan aktiviti yang berfaedah. Dalam konteks ini, remaja di kawasan petempatan itu akan sentiasa peka dan prihatin dengan anggota masyarakat di tempat tinggal mereka.

Aktiviti yang berfaedah dalam komuniti bukan hanya terhad kepada aktiviti gotong-royong sahaja. Jika berkaitan dengan aktiviti kemasyarakatan, remaja sering mengaitkannya dengan aktiviti gotong-royong. Sebenarnya banyak lagi aktiviti yang dapat dilakukan oleh para remaja untuk menjadi lebih mesra dengan ahli komuniti masing-masing. Satu daripadanya ialah dengan menyertai persatuan atau pertubuhan tertentu pada peringkat komuniti.

Remaja pastinya mempunyai hobi dan minat tertentu. Oleh itu, remaja dapat memilih aktiviti berpersatuan berdasarkan hobi masing-masing. Sebagai contoh, jika berminat dalam aktiviti memancing, remaja dapat menyertai kumpulan memancing pada peringkat komuniti bersama-

sama kumpulan orang dewasa.

Hobi dan minat ini dikategorikan mengikut aktiviti yang dijalankan, termasuklah berasaskan sukan, kerja sosial, dan

keagamaan. Remaja perlu memilih kecenderungan masing-masing untuk menyertai kumpulan hobi dan minat yang sama dengan orang dewasa. Kerjasama dengan orang dewasa dalam aktiviti yang berasaskan minat dan hobi yang sama akan mengeratkan hubungan ahli komuniti.


Hubungan yang baik dan mesra antara kumpulan remaja dengan orang dewasa amat penting dalam pembangunan masyarakat yang harmoni. Remaja perlu mengambil peluang untuk mendekati orang dewasa dalam komuniti masing-masing. Hal ini penting kerana kumpulan remaja dapat mempelajari banyak ilmu tentang kehidupan daripada orang dewasa apabila sering mendekati mereka. Ilmu tentang kehidupan ialah pengalaman yang berguna bagi para remaja untuk menempuh kehidupan pada masa akan datang. Peluang mendekati orang dewasa perlu dimanfaatkan oleh remaja untuk meneliti dan mencontohi mereka dalam menempuh kehidupan sebagai ahli masyarakat. Jika dalam kawasan komuniti tempat tinggal kita terdapat ahli akademik, ahli sukan, ahli budaya dan tokoh penting yang hebat dalam bidang masing-masing, memang menjadi kelebihan kepada remaja untuk mendekati dan mempelajari sesuatu\* daripada mereka. Ini peluang keemasan yang tidak wajar dilepaskan.

Remaja mesra komuniti dapat wujud dalam pelbagai cara dan aktiviti. Remaja yang prihatin dan peka dengan ahli masyarakat di kawasan petempatan mereka akan sentiasa berusaha untuk mendekati semua golongan dalam

Sikap mementingkan diri atau individualistik merugikan diri remaja sendiri kerana remaja juga akan pernah menghadapi masalah pada masa akan datang dan tetap mengharapkan bantuan orang lain.



Masalah sosial di kawasan komuniti ini dapat diselesaikan dengan mudah dan teratur. Keprihatinan semua pihak dalam menjaga keharmonian kawasan petempatan mereka ini akan mewujudkan komuniti yang seronok untuk didiami. Sebagai kesannya, banyak aktiviti kemasyarakatan dapat dijalankan yang akan memberikan manfaat kepada semua ahli komuniti.



Nilai hubungan dalam komuniti atau masyarakat semakin longgar. Hal ini mengakibatkan remaja semakin tidak memperdulikan persekitarannya mereka yang akhirnya akan membantutkan perkembangan komuniti yang baik.

komuniti mereka. Kumpulan remaja yang hebat ini akan sentiasa mengambil tahu perkara yang berlaku di sekeliling mereka, terutamanya yang melibatkan ahli komuniti mereka. Kunjungan ke tempat ibadat di kawasan masing-masing juga dapat mendekatkan remaja dengan ahli masyarakat. Di setiap kawasan petempatan, biasanya terdapat rumah ibadat bagi majoriti penduduk di kawasan tersebut. Jika majoritinya beragama Islam, kawasan tersebut akan memiliki masjid atau surau sebagai tempat ibadat dan berkumpul. Oleh itu, remaja perlu memanfaatkan tempat ini sebagai pusat pertemuan dengan orang dewasa dan ahli masyarakat yang lain. Di tempat ini, para remaja akan mendapat pelbagai maklumat daripada sumber yang tepat tentang perkembangan petempatan masing-masing.

Banyak kelebihan apabila anggota masyarakat di satu-satu kawasan itu mesra antara satu sama lain. Masalah sosial di kawasan komuniti ini dapat diselesaikan dengan mudah

dan teratur. Keprihatinan semua pihak dalam menjaga keharmonian kawasan petempatan mereka ini akan mewujudkan komuniti yang seronok untuk didiami. Sebagai kesannya, banyak aktiviti kemasyarakatan dapat dijalankan yang akan memberikan manfaat kepada semua ahli komuniti. Oleh itu, remaja yang menjadi kumpulan penting dan berpengaruh dalam menangani isu sosial, terutamanya yang melibatkan rakan sebaya, perlu mengambil peluang dan tanggungjawab untuk mendekati ahli komuniti yang lain untuk sama-sama menjaga kawasan petempatan. Remaja perlu menjadi lebih mesra dengan ahli komuniti, terutamanya golongan dewasa, dengan mendekati mereka dan memberikan perhatian terhadap keperluan dan masalah mereka.

Kita akan berasa selesa dan seronok jika sentiasa diberi perhatian oleh orang lain, terutamanya oleh orang ramai. Begitu juga orang lain dan ahli masyarakat dalam komuniti kita. Semua orang akan berasa gembira jika masalah mereka sentiasa diberi perhatian oleh orang lain. Sebagai ahli komuniti yang mesra dengan anggotanya, para remaja perlu menjadi kumpulan yang sentiasa mendekati diri dengan komuniti masing-masing. Remaja mampu dan layak untuk lebih intim dan mesra dengan komuniti di kawasan petempatan masing-masing. Remaja perlu berfungsi untuk mewujudkan kawasan komuniti yang "hidup", iaitu anggota masyarakatnya sentiasa ambil peduli antara satu sama lain. ☺